

# **MALAYSIA DAN CABARAN KESELAMATAN MASA KINI: SATU ANALISIS**

**Ahmad Zahid Hamidi**

## **ABSTRACT**

*In today's modern world, the state's agenda has becoming more multi-faceted and complex than ever before. A new nation and small state such as Malaysia required a new paradigm and approached in managing her state agendas in order to stay relevant and survives within a global world system to date. Malaysia is not only one of the most dynamic developing countries in the world, but is also a country plagued by territorial dispute and terrorism. In recent years we have seen territorial disputes involving Malaysia with several other countries in the region, for example, maritime disputes between Malaysia and Indonesia, the Pulau Batu Putih territorial claim with Singapore, which had escalated not only into diplomatic battles between politicians on all sides but also between hackers from all of these countries. The most recent one was the encroachments of the so-called "The Sultanate of Sulu Soldiers" into her political territories. Apart form that, domestically, Malaysia, has to deal with a growing demand from a societies with regards to democratic issues towards a more "open democratic" practices in its political system. This paper traced, analyses and projected the socio-political and security challenges as well as potential future threat to the government and society of Malaysia, both international and domestic affairs.*

**Keywords:** Formation of Malaysia, State Sovereignty, Security Challenges, Threats, New Media.

## **Pendahuluan**

Sejarah ketamadunan manusia telah menunjukkan betapa nikmat keamanan memberi sumbangan besar kepada kemakmurhan dan kesejahteraan sesebuah negara. Keamanan bererti bebas daripada segala bentuk ancaman yang menggugat keharmonian hidup manusia. Oleh itu, ancaman keselamatan merupakan permasalahan sejagat. Bersyukurlah, walaupun negara telah dan sedang berhadapan dengan beberapa isu yang mengancam keselamatan namun kerajaan Malaysia masih mampu mengekalkan keamanan kepada rakyat jelata.

Beberapa insiden yang menarik perhatian telah berlaku di Malaysia sepanjang tahun 2013. Antaranya ialah pencerobohan pengganas militan dari Selatan Filipina di Lahad Datu dan beberapa kawasan lain di Sabah

pada 11 Februari 2013. Susulan daripada itu, pasukan keselamatan yang terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia telah melancarkan Operasi Daulat bagi membanteras pencerobohan itu setelah rundingan secara diplomasi selama tiga minggu gagal. Sepanjang operasi tersebut, ramai pengganas telah terbunuh dan ditangkap untuk siasatan serta telah didakwa di bawah *Security Offences (Special Measures) Act 2012*<sup>1</sup> (SOSMA) serta atas pelbagai kesalahan lain.

Selain insiden pencerobohan pengganas di Sabah, peristiwa yang tidak kurang menarik dan melibatkan isu keselamatan negara adalah Pilihan Raya Umum Ke-13 atau PRU-13. Dalam tempoh sepanjang proses tersebut, kita telah dapat menangani pelbagai isu keselamatan yang timbul. Lebih-lebih lagi apabila PRU-13 tersebut berlangsung sebaik sahaja kita berjaya menumpaskan pencerobohan pengganas bersenjata di Lahad Datu dan Semporna serta beberapa kawasan lain di Sabah. Seterusnya ancaman lain yang berkaitan dengan keselamatan yang dapat dilihat pada ketika ini ialah kewujudan gagasan politik yang lebih ekstrim. Setiap kaum kelihatannya akan cuba mempertahankan hak mereka bagi mendapatkan satu keadaan yang sama rata. Sebagai contoh, parti-parti politik tertentu cuba mengambil peluang menimbulkan perasaan kurang senang hati di kalangan masyarakat dan seterusnya menyebarkan propaganda berkenaan isu perkauman. Dengan masing-masing parti politik memperjuangkan hak kaum-kaum tertentu, pastinya secara tidak langsung keadaan ini akan memberi kesan kepada keharmonian kaum yang telah dipupuk sejak sekian lama.

Kita perlu sedar bahawa hubungan harmoni yang terjalin sesama kaum ini akan memperkuuhkan lagi kedaulatan dan pembangunan negara. Keharmonian yang terhasil daripada perpaduan antara rakyat Malaysia merupakan satu keistimewaan dan juga daya tarikan kepada pelabur asing untuk melabur di negara kita. Namun, perlu diakui, walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan selama lebih 55 tahun, tetapi soal perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Dengan pelbagai isu sensitif yang timbul, pergeseran kaum ini adalah amat tidak menguntungkan negara, malahan ditakuti akan menjaskan ketenteraman dan keselamatan masyarakat keseluruhannya.

---

<sup>1</sup> Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Akta 747)

Di samping itu, ketenteraman negara juga turut tergugat dengan adanya cubaan untuk menjatuhkan kerajaan melalui politik jalanan. Secara umum, bantahan jalanan ini mampu menumbangkan rejim politik secara revolusi, namun dilihat sebagai tidak stabil dan boleh menjelaskan keadaan politik serta sosio-ekonomi negara. Pelbagai isu ini boleh mencetuskan bantahan jalanan yang membabitkan percaturan politik yang berintikan elemen memecah-belahkan masyarakat.

Namun ancaman yang memang sentiasa menjadi topik perbincangan masyarakat ialah ancaman jenayah. Dengan menggunakan undang-undang sedia ada, PDRM telah bertindak segera dengan melancarkan pelbagai operasi, contohnya “Ops Cantas”. Ternyata langkah pencegahan tersebut telah mendatangkan hasil dan indeks kadar jenayah, terutamanya jenayah kekerasan telah menunjukkan penurunan yang agak signifikan. Berkaitan kes-kes jenayah tersebut, secara tidak langsung juga telah menunjukkan peningkatan dalam penyeludupan senjata api dari negara jiran. Ada kemungkinan kemasukan senjata api ini disebabkan kawalan sempadan yang kurang berkesan sama ada di sempadan antara negara atau juga di kawasan perairan.

Selain daripada permasalahan jenayah dan penyeludupan senjata api, kawalan sempadan yang kurang berkesan juga turut menyebabkan kerugian kepada pendapatan negara melalui jenayah penyeludupan. Aktiviti penyeludupan ini merangkumi barangan seperti gula, tepung, minyak masak, petrol, diesel dan lain-lain lagi. Di samping itu, aktiviti penyeludupan termasuklah juga isu kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang sememangnya menjadi satu masalah dan ancaman terhadap keselamatan negara.

Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk menelusuri, mengimbau dan menganalisis cabaran-cabaran keselamatan yang telah, sedang dan bakal dihadapi oleh Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang secara relatifnya baru, muda serta masih tercari-cari identiti sebenar dalam konteks kehidupan negara berdaulat dan bermasyarakat. Makalah ini juga merupakan satu luahan intelektual peribadi terhadap persoalan yang sangat fundamental bagi sebuah negara bangsa yang baru, iaitu keselamatan. Sebagaimana yang telah sedia maklum, keselamatan adalah antara agenda nasional atau kepentingan nasional negara yang sangat penting dan utama. Apatah lagi, Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan

yang terdiri dari pelbagai kerencaman masyarakat serta wilayah, maka keselamatan adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian serius.

### **Imbauan Sejarah Pembentukan Persekutuan Malaysia**

Tidak boleh kita nafikan bahawa sewaktu saranan murni oleh Al-Marhum Tunku Abdul Rahman berhubung dengan hasrat untuk menubuhkan Persekutuan Malaysia yang diasaskan oleh lima (5) entiti wilayah iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak di Hotel Adelphi di Kota Singapura pada tahun 1961 telah mendapat pelbagai reaksi sosio-politik sama ada yang bersifat positif mahupun negatif dari kalangan masyarakat dunia, khususnya di Asia Tenggara. Kuasa-kuasa besar yang berpaksikan idealisme kapitalis serta liberal, khususnya Britain dan Amerika Syarikat telah menyambut baik cadangan tersebut. Hal ini disebabkan cadangan yang dibuat oleh Al-Marhum Tunku seiring dengan strategi kuasa besar kapitalis untuk mengekang perkembangan pengaruh kuasa sosialis serta komunis yang dilihat semakin memperkuuhkan kedudukan dalam kalangan negara di rantau Asia Tenggara, khususnya negara-negara Indo-China dan Indonesia.

Dalam masa yang sama, saranan pembentukan Persekutuan Malaysia itu juga mendapat sambutan yang positif dari kalangan kepimpinan politik Singapura yang diketuai oleh Lee Kuan Yew. Sebaliknya pada peringkat awal bagi kebanyakan pemimpin politik Sabah, Sarawak dan Brunei pula telah memberikan reaksi yang bersifat *neither there nor here*, terhadap saranan pembentukan persekutuan tersebut. Sementara itu, kepimpinan politik Filipina dan Indonesia secara khusus melihat cadangan tersebut sebagai satu bentuk “penerusan penjajahan” Britain di rantau ini selepas era pasca-kolonial. Malah Indonesia yang pada ketika itu dipimpin oleh Sukarno menentang keras cadangan tersebut. (untuk maklumat terperinci, sila rujuk Zakaria Ahmad, 1989).

Selepas melalui pelbagai liku dan rintangan terhadap cadangan serta proses pembentukan Persekutuan Malaysia, akhirnya pada tanggal 16 September 1963, tertubuhlah secara rasmi sebuah negara Persekutuan baru yang dikenali sebagai Malaysia. Dengan terbentuknya Persekutuan Malaysia pada tanggal tersebut, menandakan bermulanya era baru dalam konteks kehidupan bernegara, bukan sahaja bagi masyarakat Persekutuan

Tanah Melayu tetapi juga bagi masyarakat dan rakyat di tiga (3) buah entiti politik yang lain, iaitu Sabah, Sarawak dan juga Singapura. Dalam erti kata lain, gabungan empat (4) buah entiti politik yang berbeza dalam persetujuan membentuk negara Persekutuan Malaysia tersebut telah memunculkan cabaran kenegaraan baru yang perlu diberikan perspektif yang lebih jelas. Apakah cabaran-cabaran keselamatan Persekutuan Malaysia yang sangat fundamental ketika itu?

Secara umum, bagi tempoh sepuluh tahun pertama pembentukan Persekutuan Malaysia, cabaran keselamatan-kenegaraan yang utama adalah memastikan aspek solidariti atau kesepaduan negara terus utuh dan kekal mandiri. Aspek solidariti ini mempunyai nuansa yang berpaksi kepada dua kategori yang utama. Pertama, solidariti di kalangan rakyat Malaysia yang bukan sahaja terdiri dari pelbagai kerencaman etnik dan budaya, tetapi juga pengalaman kerencaman intelektual sejarah yang berbeza. Kedua, cabaran solidariti untuk memastikan Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada empat (4) wilayah tersebut, terus kekal utuh dan bersatu.

Ternyata cabaran keselamatan-kenegaraan yang dinyatakan di atas bukanlah satu tugas kenegaraan yang mudah untuk ditangani dan diurus oleh kepimpinan negara pada ketika itu. Namun, menerusi kebijaksanaan dan iltizam yang tinggi dalam kalangan kepimpinan politik negara yang diketuai oleh al-Marhum Tunku Abdul Rahman dengan dibantu oleh al-Marhum Tun Abdul Razak, beberapa dasar kenegaraan yang bertujuan untuk menangani cabaran keselamatan kenegaraan yang bersifat sosio-politik telah dirangka melalui Rancangan Pembangunan Malaysia.. Setiap satu (1) rancangan mempunyai tempoh selama lima (5) tahun dan sehingga kini popular dengan panggilan RMK (sila lihat J.V. Jesudason, 1995)

Persetujuan Sabah, Sarawak dan Singapura untuk membentuk Persekutuan Malaysia adalah berasaskan kepada projeksi politik bahawa entiti-entiti politik Sabah akan lebih maju dan membangun jika bersetuju untuk seiring membentuk Persekutuan Malaysia. Ini bermakna asas persetujuan Sabah untuk sama-sama membentuk Persekutuan Malaysia adalah janji pembangunan yang lebih baik dari yang sedia ada. Oleh itu, jika kita lihat pada hari ini, khususnya dalam konteks perhubungan Persekutuan sama ada seperti yang sering disebut dalam pelbagai bentuk

*tag-line* seperti Kuala Lumpur-Kerajaan Negeri atau lebih kerap disebut Negeri-Pusat. Namun isu yang sering berlegar dan menjadi percaturan serta formulasi yang hangat adalah isu pembangunan. Malah, semenjak pembentukan Persekutuan Malaysia, bermula daripada Pilihan Raya Umum 1964 sehingga ke Pilihan Raya Umum yang terkini, iaitu Pilihan Raya Umum ke-13, isu dan wahana pembangunan adalah merupakan modal politik yang diketengahkan oleh setiap parti politik sama ada yang dimanifestasikan dalam bentuk manifesto pilihan raya mahupun ucapan di pentas ceramah politik pilihan raya.

Persoalan dan perdebatan pembangunan telah mencacatkan sejarah Persekutuan Malaysia apabila Singapura pada tahun 1965 telah bertindak keluar dari Malaysia. Tindakan Singapura telah menimbulkan kesan keselamatan yang sangat struktural terhadap Persekutuan Malaysia. Malah, kepimpinan Sabah pada ketika itu juga turut mempersoalkan legitimasi Persekutuan Malaysia akibat daripada tindakan Singapura keluar dari Persekutuan. Persoalan dan wahana pembangunan selepas keluarnya Singapura dari Persekutuan Malaysia, turut mencetuskan peristiwa rusuhan kaum atau lebih dikenali sebagai tragedi 13 Mei di kalangan etnik di Malaysia. Kesannya, sistem demokrasi berparlimen Malaysia telah digantung dan pentadbiran negara telah diletakkan di bawah pengurusan Majlis Gerakan Negara atau MAGERAN yang diketuai oleh al-Marhum Tun Abdul Razak. (Sila rujuk Case. W. 1993).

Melalui rombakan dasar negara dan sifat politik negara, maka kepimpinan politik negara pada ketika itu telah berjaya mengembalikan semangat pengurusan negara berdasarkan sistem demokrasi. Malah cabaran keselamatan pembangunan negara yang bersangkut dengan keperihalan Persekutuan dan hubungan kaum masih merupakan cabaran keselamatan utama Negara, walaupun usia pembentukan Persekutuan Malaysia telah mencapai 50 tahun. Malah cabaran-cabaran keselamatan negara seperti perpaduan kaum, kembali muncul dalam pentas wajah politik Malaysia, khususnya dalam PRU Ke-13 yang baru lalu. Sehubungan itu, sebagai sebuah negara bangsa yang berdasarkan kepelbagaiannya kaum dan wilayah, persoalan perpaduan serta kewilayahannya tetap merupakan agenda dan perihal keselamatan yang tidak boleh dikesampingkan selamanya.

## **Cabaran Keselamatan Demokrasi Era ICT**

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, sebagai sebuah negara yang dikategorikan sedang membangun, amalan demokrasi di Malaysia adalah suatu amalan kehidupan bernegara yang boleh dikatakan baru. Idealisme demokrasi di Malaysia dan juga kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara adalah satu bentuk sistem politik yang diperkenalkan oleh penjajah. Umumnya, kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara mempunyai perbezaan yang jelas di antara satu sama lain dari sudut mengadaptasi pemikiran dan institusi demokrasi itu sendiri. Dalam konteks negara Malaysia umpamanya, adalah jelas bahawa pengurusan demokrasi amat terkait, malah sangat simbiosis sifatnya di antara aspek kepimpinan, keselamatan dan demokrasi itu sendiri. Umpamanya, dari sudut pandangan pemerintah, tuntutan demokrasi yang melampau dianggap menjelaskan keselamatan. Manakala, dari sudut pandang rakyat, kawalan politik dan keselamatan pula dilihat sebagai bercanggah dengan amalan demokrasinya. Secara idealnya, kedua-dua demokrasi dan keselamatan diperlukan dalam setiap sistem politik dengan syarat keselamatan dilandaskan kepada usaha menjamin kesejahteraan kehidupan bernegara dan bermasyarakat serta ruang yang mencukupi untuk mereka melaksanakan hak sebagai warganegara dalam sistem berkenaan. Oleh itu, dalam konteks negara, perlu ada keseimbangan di antara amalan demokrasi dan jaminan keselamatan yang didukung oleh kepimpinan politik.

Sejauhmanakah elemen-elemen kepimpinan, keselamatan dan demokrasi tersebut berhubungan secara timbal-balik dalam mewujudkan sebuah negara Malaysia yang stabil dan kukuh dalam era globalisasi? Pengurusan demokrasi yang bagaimanakah yang diperlukan oleh negara ini? Di antara demokrasi dan persoalan keselamatan yang manakah lebih utama? Bentuk kepimpinan yang bagaimanakah yang diperlukan oleh Malaysia dalam mengurus kedua-dua elemen tersebut? Pada hematnya, ketiga-tiga isu tersebut adalah cabaran keselamatan utama negara yang perlu difokuskan oleh Malaysia dalam menghadapi dan memastikan kemandiriannya sebagai sebuah negara Persekutuan dalam era ketidaktentuan dunia masa kini.

Perkembangan terkini menunjukkan bahawa kehadiran internet telah memudahkan penyebaran maklumat kepada pelbagai pihak termasuk

pemerintah, organisasi politik mahupun individu. Parti politik telah memanfaatkan IT ini dengan membina laman sesawangnya dengan memberikan pelbagai maklumat serta menyediakan pelbagai ruang interaksi dan pandangan. Demikian juga *NGOs* lain, kesempatan ini adalah suatu yang menguntungkan dan mempermudah kerja mereka. Melalui laman sesawang, aktivis serta orang ramai boleh berhubung sesama mereka dengan menggunakan kemudahan ini secara lebih cepat, tepat dan cekap. Walau bagaimanapun, penggunaan IT ini didapati begitu pesat berkembang setelah meletus insiden penahanan mantan Timbalan Perdana Menteri (TPM) Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim dan setelah muncul gerakan reformasi di Malaysia. Laporan dari media antarabangsa menyatakan kes ini dimanfaatkan oleh penyokong beliau untuk mendedahkan kepada masyarakat terhadap perkara yang berlaku seperti berikut:

*"At 9 pm on September 20, 1998, when masked policemen armed with submachine guns stormed into the home of Malaysia's sacked Deputy Premier Anwar Ibrahim, it was not the local television stations or even CNN which were the first to break the news of the historic arrest. Just minutes after the arrest, an email alert from a supporter present at the house was sent out to newsgroups and discussion lists on the internet, giving thousands of Malaysians access to vivid details of the events that night. It signaled a crucial turning point in Malaysia's political landscape the internet had arrived". (Sumber : Sabri Zai,n 6 Ogos 1999 – How the Internet is molding public opinion in Malaysia).*

Berbagai laman sesawang khususnya yang bersimpati, tidak berpuas hati dan yang menyokong kepimpinan bekas TPM ini telah dibina di dalam internet serta bilangannya adalah besar. Sejak tarikh 2 September 1998, sewaktu bekas TPM tersebut ditahan telah muncul lebih 50 laman internet yang disediakan bagi melahirkan pandangan alternatif kepada media aliran perdana. Jurucakap TMNet (pemilik khidmat internet terbesar di Malaysia) pula menyatakan kalau sebelum ini hanya lebih kurang 9,000 permohonan baru diterima dalam sebulan untuk melanggan mereka, namun sejak kes tersebut meletus tiba-tiba sahaja permohonan telah mendadak kepada 14,000 sebulan (*Asian Wall Street Journal*, 30 Mac 1999). Rata-rata pelanggan baru ini adalah daripada golongan pendokong kepada gerakan reformasi tersebut. Antara laman sesawang yang pertama ditubuhkan semasa berkembangnya isu reformasi ini ialah *Anwar.com*, *Anwar on-line*, *Laman Reformasi*, *Konspirasi*, *Reformasi.com*

dan *Anwar.org*. Apabila kebanyakan akhbar harian yang dikuasai oleh parti pemerintah melahirkan berbagai kenyataan memburukkan pemimpin idola ramai ini, maka, laman Anwar Online segera ditubuhkan, iaitu dua hari sahaja selepas beliau ditahan untuk menafikan segala dakwaan dan menonjolkan kebenaran mereka (Asian Wall Street Journal, 30 Mac 1999). Beberapa hari kemudian berpuluhan-puluhan laman baru yang dicipta khas telah muncul untuk melahirkan aspirasi yang sama. Setiap satu sesawang mudah dikesan apabila laman ini merangkaikan hubungan mereka melalui bahagian *link* di dalam laman tersebut.

Terdapat laman sesawang yang timbul tenggelam, tidak dikemas kini dan tidak kurang juga yang konsisten dan masih kekal serta menerima kunjungan ramai hingga sekarang. Malah, pada tahun 1998/1999, terdapat laman sesawangnya menerima paling banyak pengunjung di dalam ‘server’ tersebut. Di antaranya ialah laman *reformasi*, laman sesawang *maha-zalim*, laman sesawang *free-Anwar* dan sebagainya. Semua laman ini menyatakan sokongan kepada bekas TPM tersebut dan cuba menjelaskan isu ini dari pihak beliau atau reformasi. Laman-laman ini menjadi suatu arena yang menjawab atau membala segala dakwaan dan tuduhan yang dilemparkan di dalam akhbar tempatan. Secara tidak langsung, laman-laman ini seolah-olah menjadi tempat melahirkan versi cerita di sebelah pihak pemimpin tersebut di dalam beroposisi dengan media aliran perdana. Sabri Zain, seorang aktivis yang sentiasa mengikuti perkembangan internet dan politik ini pernah mengkaji keadaan tersebut dan menemui *webmaster* laman tertentu untuk mendengar pandangan mereka. Antara lain beliau mendapati:

*“There was no other choice all the media was against us, without exception,” said the Web master of Anwar On-line who declined to reveal his identity. “The Web site’s success was enormous. There weren’t a lot of graphics, but access became slow because of the traffic. I didn’t expect so many responses. People even thought the government was blocking the site!” (Sumber : Sabri Zain-Democracy on line, 6 Ogos 1999).*

Sehubungan dengan itu kritikan dan bantahan terhadap langkah pemerintah ini turut dilahirkan. Disebabkan terlalu banyak kritikan terhadap pemerintah, perkembangan ini kemudian berganjak pula kepada pembinaan laman sesawang yang menumpukan kepada pendedahan pelbagai maklumat mengenai keburukan pemimpin yang sedang berkuasa. Antara

contoh laman ini adalah seperti *Mahazalim*, *Mahafiraun*, *Crony-net* dan *Firaun 2020*. Apabila sahaja akhbar *New Straits Times* melaporkan jumlah pemilikan aset perniagaan bekas TPM dan rakan-rakannya, satu laman baru bernama *Crony-Net* tiba-tiba dibina dan dipenuhi dengan senarai saham yang dimiliki oleh individu yang rapat dengan Perdana Menteri pada ketika itu. Webmaster laman ini mendakwa butiran yang diperoleh adalah secara tidak sengaja diada-adakan, sebaliknya disalin dari laman KLSE atau pasaran Saham Kuala Lumpur (*Asian Wall Street Journal*, 30 Mac 1999).

Rata-rata maklumat di dalam laman ini tidak banyak berbeza, iaitu keburukan dalam bentuk kepimpinan yang ada. Ekoran dari situ, timbul berbagai dakwaan bahawa politik di negara kita terlalu banyak dengan fitnah dan pihak kerajaan khususnya UMNO mula mengambil beberapa pendekatan untuk membasmikan sebaran ‘fitnah’ ini. Terdapat juga laman sesawang yang kononnya bergerak untuk membina masyarakat demokratik atau masyarakat civil Malaysia tanpa begitu dikaitkan dengan bekas TPM. Laman ini adalah seperti *Aliran*, *Suaram*, *Free Malaysia* dan *Just World*. Kebanyakannya merupakan suara NGO berkenaan. Bagaimanapun, kebetulan isu pemecatan dan penahanan bekas TPM sedang hangat diperdebatkan dan menimbulkan krisis kepimpinan dan kestabilan politik Malaysia ketika itu, laman tersebut juga kelihatan tidak dapat lari turut menyentuh banyak isu beliau. Ini jelas sebagaimana yang dilaporkan oleh *Asian World Street Journal* (30 Mac 1999) yang menyatakan;

*...there is also a site for Dr. Wan Azizah's new Social Justice Movement, which has been set up to lobby for her husband's release. The group is awaiting official approval, so she can't legally publish a newsletter. Meantime her Web site lists the movement's aims, as well as dates and venues for meetings...*

Secara tidak langsung kehadiran IT, khususnya internet telah bukan sahaja memungkinkan kepada pendemokrasian maklumat dalam pembangunan politik Malaysia tetapi juga mengangkat kekuatan politik golongan lemah untuk beroposisi dengan pihak pemerintah. Internet bukan lagi dalam subsistem yang tersembunyi di bawah paras pengetahuan pemerintah, malah dalam aras sistem yang terbuka. Golongan *bloggers* yang muncul dalam blog-blog tertentu internet secara sangat berani melontar pandang dunia mereka terhadap setiap persoalan politik yang

bersangkut-paut dengan tadbir urus negara yang pada pendapat mereka tidak bertepatan, malah bertentangan dengan norma demokrasi. Misalnya, semenjak setengah dekad lalu, golongan bloggers seperti Sang Kelambai, Blog Kadir Jasin, Blog Pak Rustam Sani [Allahyarham], Blog Ruhanie Ahmad, Rocky's Bru; kesemuanya secara “berani” meluahkan opsi mereka terhadap polisi atau tingkah laku pemerintah yang tidak seiring dengan budaya demokrasi.

Di samping itu, yang tidak dinafikan kepentingannya dalam sumbangan kepada pendemokrasian maklumat adalah kehadiran WI-FI atau jalur lebar tanpa talian ke dalam kehidupan masyarakat di negara ini pada hari ini. WI-FI telah membentuk satu budaya atau gaya hidup baru di kalangan masyarakat atau generasi muda dalam capaian maklumat dan gaya interaksi sosial mereka. Di lokasi-lokasi seperti *Starbuck*, *McDonald*, *A&W*, *Secret Recipe* dan sebagainya, dengan komputer riba masing-masing, komuniti ini menzahirkan pandangan dunia mereka terhadap apa sahaja isu atau persoalan kemasyarakatan tanpa ada rasa takut terhadap politik atau kekangan pemerintah.

## Kesimpulan

Daripada perbincangan yang telah dikupas, secara jelas menunjukkan bahawa cabaran keselamatan negara Malaysia semakin bertambah kompleks dan mencabar dengan kemunculan IT serta Internet telah memberi pelbagai cabaran baru kepada corak kehidupan bernegara dan bermasyarakat di negara ini. Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas merdeka selama 50 tahun telah mengecapi tahap kestabilan politik, ekonomi dan sosial yang membanggakan jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Dalam konteks pencapaian tersebut, tidak bermakna Malaysia tidak berhadapan dengan cabaran-cabaran yang boleh menggugat tahap kestabilan yang sedia ada, malah, kemunculan IT dan internet telah menjadikan cabaran terhadap keutuhan negara serta bangsa Malaysia semakin bertambah dan semakin kompleks untuk ditangani.

## BIBILIOGRAFI

- Case, W. 1993. "Malaysia: semi-democracy in withstanding the pressures for regime change". *Pacific Affairs*. Jilid 66, Bilangan 2, Halaman 183-205.
- Crouch, H. 1993. "Malaysia: neither authoritarian nor democratic". Dlm. Hewison, K., Robinson, R. & Rodan, G. *Southeast Asia in the 1990s: authoritarianism and democracy*, Sydney: Allen and Unwin, Halaman 135-157.
- Jesudason, J. V. 1995. "Statist democracy and the limits to civil society in Malaysia". *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*. Jilid 33, Bilangan 3, Halaman 335-356.
- Saravanamuttu, J. 1999. "Thinking the thinkable: politics after Mahathir Part 1-3". *Aliran Online*. October/November 1999.
- Weber, M. 1952. Class, Status, Party, from Gerth, H & C. Wrights Mills (eds) From Max Weber. London: Routledge.
- Weber, M, 1986. "Domination by Economic Power and by Authority", in Lukes, S (ed) *Power: readings in social and political theory*. Oxford: Blackwell
- Zakaria Ahmad, 1989. "Malaysia: quasi democracy in a divided society". Dalam Diamond, L., Linz, J.J. & Lipset, M. S. (eds), *Democracy in developing countries: Asia*. Jilid 3, Boulder, Colorado: Lynne Rienner, halaman 347-382.
- Aliran Monthly*, 1999.
- Asian World Street Journal*, 1999.